

Tamil Nesan mulakan sisipan bahasa Inggeris, bantu MIC menangi hati pengundi Malaysian Insider
3 September, 2012
Oleh Hafidz Baharom

KUALA LUMPUR, 3 Sept — Akhbar Tamil Nesan akan memulakan sisipan bahasa Inggeris pada 15 September ini oleh kerana pemiliknya yang berkait dengan MIC mahu memperluaskan bacaan kepada pembaca India yang bukan Tamil menjelang pilihan raya umum akan datang — perlu diadakan selewat-lewatnya April tahun hadapan.

Terdapat empat akhbar Tamil untuk 1.7 juta masyarakat India di Malaysia, yang mana Tamil Nesan adalah akhbar tertua, dimiliki oleh S Vell Paari, anak kepada bekas presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

"Sasaran kami selalunya pembaca bahasa Tamil, akan tetapi sekarang kamu mahu meningkat pembaca sub-etnik seperti; Malayalee, Punjabi dan Telegu, contohnya," kata Vell Paari kepada The Malaysian Insider dalam sebuah wawancara sambil menambah akhbar tempatan berbahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak mensasarkan masyarakat India, kunci kemenangan di beberapa kerusi parlimen dan dewan undangan negeri (Dun).

"Ambil contoh pengumuman kerajaan baru-baru ini tentang pemberian kepada masyarakat India sebanyak RM180 juta.

"Tiada satu pun daripada akhbar-akhbar menjelaskan lebih lanjut bagaimana atau di mana masyarakat India boleh mendapatkan bantuan tersebut.

"Tamil Nesan mahu menggunakan jangkauan kami untuk memaklumkan tentang perkara seperti ini dengan lenih terperinci," katanya.

Sisipan tabloid, akan diterbitkan secara mingguan dengan purata 12 halaman dengan sasaran akhirnya boleh dicetak harian, kata pemilik akhbar.

Vell Paari, yang juga ketua penerangan MIC, berkata bahawa akhbar tersebut sudah menerima surat kelulusan yang ditandatangani bagi pihak setiausaha agung kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertarikh 20 Jun.

Sisipan bahasa Inggeris Tamil Nesan dikeluarkan dua bulan selepas akhbar baru berbahasa Tamil, Nam Naadu, berada di pasaran untuk bersaing dengan Tamil Nesan, Malaysia Nanban dan Makkal Osai.

Akhbar harian baru ini disokong oleh ahli perniagaan terkenal dan presiden Persatuan Dewan Perdagangan dan Industri India (MAICCI), Datuk Kenneth Eswaran yang juga mengendalikan TV berbayar Asia Broadcasting Network (ABN).

Walaupun beberapa akhbar-akhbar Tamil yang dilesenkan oleh pemerintah Barisan Nasional (BN), majoriti kaum India di Malaysia menolak BN dalam pilihan raya umum 2008 dan menendang keluar beberapa calon MIC termasuk Samy Vellu dari bentengnya di Sungai Siput.

Penganalisis mengatakan sokongan yang lemah dari masyarakat India kepada BN disebabkan kemunculan pergerakan Hindraf dan kegagalan penyebaran akhbar berbahasa Tamil.

Vell Paari berkata harian yang berusia 88-tahun itu mempunyai edaran purata 44,000 setiap hari manakala Tamil Nesan edisi Ahad mempunyai purata lebih kurang 85,000, mengakui bahawa edaran telah jatuh sejak beberapa tahun lalu.

"Jualan tertinggi kami setakat untuk akhbar harian adalah 81,000 salinan manakala edisi Ahad pernah sekali mencatat 178,000 edaran, "katanya, turut berharap bahawa sisipan bahasa Inggeris akan meningkatkan edaran dengan menarik pembaca baru.

"Sesetengah masyarakat India masakini tidak membaca dan menulis dalam Tamil kerana mereka pergi ke sekolah-sekolah kerajaan, selebihnya hanya lebih suka membaca bahasa Inggeris. Kami merancang untuk mendapatkan pembaca dari kelompok ini juga, "katanya.

Tindakan Tamil Nesan untuk melangkaui pembaca India yang lebih besar datang tepat pada masa apabila pentadbiran Najib telah melonggarkan peraturan untuk media dengan memansuhkan permit tahunan dan menubuhkan majlis media sendiri.

Walau bagaimanapun, majoriti akhbar dan stesen televisyen dimiliki oleh peniaga pro-kerajaan manakala akhbar parti mempunyai frekuensi terhad dan jualan terhad kepada ahli sahaja.

Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel berkata bahawa pada Januari lepas statistik kerajaan mendedahkan bilangan pengundi berdaftar bagi masyarakat India di semenanjung Malaysia adalah 850,000, yang mana pentadbiran Najib telah cuba untuk menarik dengan pelbagai inisiatif termasuk dana RM180 juta bagi usahawan India.

Inisiatif lain selepas pilihan raya pada tahun 2008 termasuk menjadikan Brickfields sebagai Kuala Lumpur Little India, memberi cuti kebangsaan untuk perayaan Thaipusam dan cuti sehari bagi penjawat awam Sikh untuk merayakan Vaisakhi.

MIC telah mengemukakan semula senarai calon, termasuk beberapa muka-muka baru, untuk memastikan mereka akan melakukan lebih baik dalam PRU akan datang semenjak Pakatan Rakyat (PR) mempunyai bilangan penggubal undang-undang India yang lebih tinggi di kedua-dua parlimen dan Dun.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tamil-nesan-mulakan-sisipan-bahasa-inggeris-bantu-mic-menangi-hati-pengundi/>